
Title	Asas2 tatabahasa Melayu: Tarap perwujudan
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1965 Muhammad Ariff bin Ahmad

Muhammad Ariff Ahmad (Mas),

11hb. Nobember 1965.

untok kursus perwanit – 14.11.65

ASAS2 TATABAHASA MELAYU - tarap perwujudan

1. Pendahuluan.

Kita semua telah sedia maalam bahawa tujuan kita berchakap dan berbahasa ini ialah untok menyampaikan sa-suatu yang terbayang dalam fikiran atau ingatan kita kapada sa-saorang atau sa-kumpulan orang2 supaya dia atau mereka itu tau apa yang sedang kita fikirkan. Fikiran yang hendak kita kemukakan itu sa-kurang2-nya satu benda dan satu hal-nya. Bila kita nyatakan benda itu lengkap dengan hal-nya baru-lah orang akan mengerti apa yang kita fikirkan itu. Riaksi orang yang mendengar perchakapan kita itu menjadi ukoran untok kita memastikan apa-kah perkataan kita itu benar2 menggambarkan tayangan fikiran kita dengan betul. Ukoran2 itu-lah yang kita sebut dengan perkataan: nahu atau tatabahasa atau jalanbahasa atau peramasastera.

Berbahasa-lisan tidak bagitu menyulitkan kita, kerana biasa-nya kita berchakap itu dengan mengadapi orang2 yang mendengar itu sa-chara langsung. Segala riaksi akan timbul sa-chara sepontan; kesilapan2 dapat di-betuli dengan segera, malah serta-merta. Dalam bahasa-lisan ini, suara – keras; lembut; panjang; pendek; naik dan turun-nya – serta gaya penguchapan yang dapat terlihat dan terdengar itu menolong mengelakkan pengeliruan. Tetapi, pada bahasa-tulisan lain hal-nya. Pembacha tulisan kita itu dudok berjauhan dengan kita; dia tidak melihat gaya kita berbahasa itu, dia tidak mendengar suara kita. Dia hanya dapat melihat tulisan2 yang kita tulis untok-nya. Alat pemahaman yang di-gunakan untok memahami fikiran kita ia-lah tayangan fikiran-nya se-mata2. Tayangan fikiran kontra tayangan fikiran itu kerap mengelirukan; supaya jangan mengelirukan perlu-lah ke-dua2-nya – penulis dan pembacha – menggunakan ukuran pemahaman yang sama terhadap bahasa yang mereka gunakan itu. Di-sini-lah terletak-nya faedah kita mengetahui tatabahasa yang menjadi hakim yang boleh mengelakkan kekeliruan itu.

Untok meyakinkan tuan2 tentang keterangan di-atas tadi biar-lah saya buat beberapa chontoh bagini; kita hendak sampaikan ka-pengetahuan sa-saorang:-

- (a) Muhammad beli dua ekor kambing.
- (b) Timah makan lima biji mangga.

Jika di-sebutkan dalam bahasa-lisan: menurut kuasa tekanan suara kita boleh memahaminya sa-bagai; Mohamad beli dua ekor kambing; tidak-lah mustahil untuk kita fahami sa-bagai: Muhammad beli dua ekor kambing. Demikian pula ayat (b) itu boleh kita fahami sa-bagai sama-ada: Timah makan lima biji mangga, atau Timah makan lima biji mangga. Tetapi jika ayat2 itu di-tuliskan maka menurut tatabahasa, ayat2 itu mesti-lah di-fahami sa-bagai:

- (a) Muhammad beli dua ekor kambing, yang di-beli ia-lah kambing bukan ekor kambing. Oleh tatabahasa ekor di-situ di-tetapkan menjadi penjodoh-bilangan kepada binatang.
- (b) Timah makan lima biji mangga, yang di-makan Timah ia-lah mangga bukan biji mangga; kerana fungsi biji di-situ ia-lah penjodoh bilangan.

Perhatikan pula ayat ini, sekarang:-

- (a) Kamala mau sa-pasang sepatu baru.
- (b) Eng Neo sudah siap sekarang.

Dalam bahasa-lisan kita mudah memahami ayat2 itu dengan melihat hal yang berlaku di-depan mata kita, sebab suasana boleh menolong kita memahami kehendak perbuatan-takterang itu. Jika ayat2 itu di-tuliskan amatlah payah kita hendak memahami apa yang di-maui oleh Kamala itu; dan apa yang sudah di-siap oleh Eng Neo pula. Mungkin kita memahami ayat (a) itu sabagai: Kamala mau minta sa-pasang kasut; mungkin mau membeli; atau mau menjual; atau mau memakai; barangkali mau membuang sa-pasang kasut! Demikian pula ayat (b) itu mungkin kita anggap sa-bagai: Eng Neo sudah siap makan sekarang; atau barangkali sudah siap bersolek/berdandan; atau sudah siap mandi; atau mungkin pula sudah bersiap diri untuk sa-suatu!

Hal2 ini semua-lah yang menjadi faktor2 penting kita mempelajari nahu atau tatabahasa bila kita mempelajari bahasa Melayu. Malam semalam sudah saya jelaskan bahawa bahasa Melayu sekarang sudah di-kanunkan menjadi bahasa Kebangsaan kita di-sini; tiap raayat harus mempelajari dan menggunakan-nya dengan rasa megah-kebangsaan. Kita tau rakyat kita ia-lah pelbagai keturunan bangsa, yang bahasa Melayu ini bukan bahasa-lidah mereka. Mereka mahir dengan bahasa-nya atau bahasa kedua-nya – ke-dua2 bahasa itu tidak sama tatabahasa-nya – sekarang mereka belajar pula bahasa Kebangsaan (bahasa ke-tiga) yang lain pula tatabahasa-nya daripada kedua2 bahasa mereka tadi. Hal ini pasti-lah tambah menyulitkan, tapi menyesali sikap bukan-lah suatu hal yang melepaskan kita dari tanggungjawab kita, kerana ada peribahasa Melayu mengatakan: bila tangan mau menchenchang bahu mesti-lah sanggup memikul!

2. Mempelajari Tatabahasa.

Bila kita mulai pandai menulis, tatabahasa itu mulai perlu kita pelajari. Tidak dapat dinafikan bahawa ilmu tatabahasa Melayu yang kita pelajari sa-lama ini telah di-pengaruh oleh tatabahasa Arab dan Inggeris. Ke-dua2 orang asing – Arab dan Inggeris/*Belanda di-Indonesia – banyak sekali mempengaruhi kehidupan orang2 Melayu. Orang2 Arab memimpin kita menuju ka-shorga melalui ugama Islam; bahasa Arab kita gunakan untuk kajian Islam kita. Orang2 Inggeris/Belanda pula sa-lama ini menjadi dereba yang menentukan arah mana yang harus kita tuju untuk menchapai hidup maamor. Kedua pengaruh itu mengenai soal hidup dan soal mati kita, sebab itu tak usah-lah kita heran kalau Prof. Dr. Prijani berkata, “bahwa sampai sekarang ini tatabahasa Melayu dan tatabahasa Indonesia itu hasil pekerjaan orang2 asing – Inggeris dan Belanda. Semua tatabahasa Melayu dan tatabahasa Indonesia yang di-buat oleh orang2 Melayu atau Indonesia hanya terjemahan atau sadoran atau kutipan dari hasil pekerjaan orang2 Inggeris/Belanda itu.”

Dengan sendiri-nya dan tentu-lah amat berpatutan kalau sarjana2 bahasa – orang2 asing – kita itu melihat, kemudian membuat penganalisan-nya tentang bahasa Melayu/Indonesia kita itu menurut pandangan dan penganalisan bahasa mereka sendiri. Mereka – sarjana2 itu – telah menyusun tatabahasa Melayu ini berdasarkan petua2 (formula) bahasa mereka yang banyak terpengaruh pula oleh keadaan2 bahasa Latin; dan tanpa memikirkan kewibawaan bahasa Melayu/Indonesia dari golongan rumpunbahasa Austronesia itu.

Sa-belum kaedah baru – belajar tatabahasa Melayu yang di-juruterai oleh sarjana2 Inggeris/Belanda itu, – kita belajar tatabahasa Melayu menurut kaedah Arab – kaedah mengapal. Melalu buku Julong Bachaan dalam tahun Masehi 1932 – 33 saya sudah mulai mengaji (bukan mengkaji) tatabahasa Melayu itu dengan mengapali pengembangan kataperbuatan2 dalam bachaan itu. Pengembangan itu di-buat bagini:-

makan	memakan	di-makan	termakan	makanan
minum	meminum	di-minum	terminum	minuman
lompat	melompat	di-lompat	terlompat	lompatan
buat	membuat	di-buat	terbuat	buatan
susun	menyusun	di-susun	tersusun	susunan
surat	menyurat	di-surat	tersurat	suratan

Pada peringkat ini tidak pula saya dapati perkataan2 kataperbuatan yang tak-melampau, seperti dudok; lari; tidor; senyum; hidup dan sa-bagai-nya. Tidak ada pengembangan bagini yang telah di-buat:-

dudok	dudok	..	terdudok	..
	<u>mendudoki</u>	<u>di-dudoki</u>	..	<u>kedudukan</u>
	<u>mendudokkan</u>	<u>di-dudokkan</u>	..	<u>pendudukan</u>
lari	lari/berlari	..	terlari	larian (?)
	<u>melarikan</u>	<u>di-larikan</u>	..	<u>pelarian</u> <u>kelarian</u> (?)
tidor	tidor	..	tertidor	..
	<u>menidori</u>	<u>di-tidori</u>	..	<u>ketidoran</u>
	<u>menidorkan</u>	<u>di-tidorkan</u>	..	<u>penidoran</u>
senyum	senyum	..	tersenyum	senyuman
hidup	hidup	hidupan (?)
	berhidup	kehidupan
	<u>menghidupi</u>	<u>di-hidupi</u>	..	penghidupan
	<u>menghidupkan</u>	<u>di-hidupkan</u>

atau sa-bagai-nya.

Berlatih menggunakan penjodoh-bilangan kita di-suruh mengapali rangkaikata2 seperti ini:-

<u>sa-buah rumah</u>	<u>sa-biji bola</u>	<u>sa-batang kalam</u>
<u>sa-orang Melayu</u>	<u>sa-ekor kera</u>	<u>sa-butir nyior</u>
<u>sa-kuntum bunga</u>	<u>sa-kaki payong</u>	<u>sa-utas rantai</u>
<u>sa-laras senapang</u>	<u>sa-buku roti</u>	<u>sa-rawan jala</u>
<u>sa-bilah parang</u>	<u>sa-helai kertas</u>	<u>sa-bidang tanah</u>

dan sa-bagai-nya.

Pelajaran membina ayat2, pelajar2, di-biasakan berchakap dengan pattern ayat2 yang sa-rupa. Misal-nya, melalui Julong Bacaan itu pelajar2 di-lateh menyusun ayat2 melalui bacaan-nya, bagini:-

Ayat rampai2:

Hari Minggu kuda lumba banyak lalu.
Malam tadi saya mimpi naik bukit tinggi.
Pagi ini saya makan pulut gincha sama inti.
Sumbu lampu itu tinggal lagi tiga inchi.
Dalam hutan rimba ada banyak ungka.

Hingga hari ini, sa-telah saya bacha ayat2 itu kira2 33 tahun dulu, ayat2 itu maseh terlekat benar dalam ingatan saya. Saya yakin bahawa susunan ayat2 itu tidak berubah daripada yang asal walaupun saya menuliskan-nya semua tanpa melihat buku itu. Mungkin ini di-sebabkan oleh imbangan irama susunan ayat2 itu, meskipun tujuan penulis asal-nya bukan hendak mengajarkan sa-buah puisi; tetapi hendak menyatakan benda dan hal-nya pemikiran yang di-sampaikan kepada pembacha, saperti yang saya terangkan mula2 tadi. Menurut teknik moden benda dan hal-nya itu di-sebut bendayat dan cheritayat.

Menegaskan perkataan saya tentang irama dalam susunan ayat2 itu biar-lah saya tunjukkan bagini: kita susun semula ayat2 itu jadi:-

- (a) Hari Minggu,
kuda lumba banyak lalu.
- (b) Malam tadi,
saya mimpi,
naik bukit tinggi.
- (c) Pagi ini,
saya makan pulut gincha sama inti.
- (d) Sumbu lampu itu tinggal lagi,
tiga inchi.
- (e) Dalam hutan rimba,
ada banyak ungka.

Memang-lah tak dapat di-nafikan bahawa telah menjadi kebiasaan orang Melayu ber-kata2 dalam susunan perkataan yang berirama dan bertimbal; kalau tidak berirama tentang bunyi-nya, berirama pula tentang pengertian-nya. Perhatikan-lah perkataan2 yang berirama pada bunyi ini:-

- (a) Terimakaseh daun keladi, kalau boleh beri-lah lagi.
- (b) Tebu pisang ubi keladi, jemu datang rugi jadi.
- (c) Tak tumbuh takkan melata, tak sunggoh orang tak kata.
- (d) Gendang gendut tali kechapi, kenyang perut suka hati.
- (e) Sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan merasa.

dan banyak lagi.

Yang berirama pada pengertian-nya pula, seperti:

- (a) Tangan berani menchenchang, bahu mesti-lah memikul.
- (b) Berani kerana benar, takut kerana salah.
- (c) Kesal dulu pendapatan, sesal kemudian tak berguna.
- (d) Minta pada yang ada, merajok pada yang kaseh.
- (e) Orang sa-kali tak hendak, saya sa-puluh kali tak ingin.

Kita tidak dapat menyalahkan sa-siapa pun tentang pengajaran yang berchorak lama – mengapal, membuat sa-suatu berdasarkan chontoh (pattern), menurut kebiasaan se-mata2 – demikian itu. Dalam kajian2 lain seperti belajar ugama, atau belajar penchak-silat, atau menuntut ilmu2 lain semua-nya di-buat dengan kaedah yang sama. Hanya apakala hubungan kita dengan orang2 Barat – Inggeris/Belanda – bertambah mesra, dan kita sudah mulai memikirkan kaedah2 Inggeris/Belanda itu lebeh betul daripada chara2 yang telah kita pakai dulu, baru-lah satu kaedah baru dalam lapangan kajian tatabahasa Melayu ini kita buat. Sa-sunggoh-nya keadaan ini-lah yang menyebabkan bahawa jurutera2 bahasa kita ia-lah orang2 Inggeris dan Belanda seperti yang di-nyatakan oleh Prof. Dr. Prijana tadi.

Kita mulai belajar tatabahasa dengan membinchangkan perkara2 yang berhubong dengan penjenisan perkataan2; pembinaan ayat2; pencherakinan ayat2 berdasarkan bentuk, jenis, fungsi dan kuasa perkataan2 dan se-lanjut-nya. Sa-takat ini kajian2 itu di-buat menurut pandangan2 dan ukoran2 dasar bahasa Inggeris dan bahasa Belanda, walaupun kaum intelek kita sedang membuat kajian semula atas tatabahasa Melayu/Indonesia itu supaya kajian2 tentang tatabahasa itu di-buat dengan merujuk-nya kepada asas2 dan kewibawaan bahasa Melayu itu sendiri – bahasa Melayu yang termasuk dalam rumpunbahasa Austronesia. Untok peringkat permulaan ini, ada baik-nya saya mulai mengenalkan ayat2 dulu, kemudian melanjutkan pelajaran ini hingga kita mengenal jenis2 perkataan pula.

3. Perihal ayat2 Melayu.

(a) ayat atau kalimat

Yang di-katakan ayat ia-lah rangkaian perkataan2 yang boleh memberikan sa-kurang2-nya satu pemikiran. Yang di-katakan pemikiran itu mesti-lah ada benda yang hendak kita cheritakan dan ada hal benda itu yang hendak di-terangkan. Benda yang nak di-cheritakan itu kita sebut bendayat, dan hal benda itu kita katakan cheritayat. Perhatikan chontoh2 ayat di-bawah ini:

- (1) Rumah itu besar.
- (2) Kuching itu menangkap tikus.
- (3) Buaya2 itu berjemor di-pantai,
- (4) Enche' Dollah baru kehilangan isteri-nya.
- (5) Orang2 dari ibukota mengungsi ka-pergunongan.

Kita nampak ayat2 itu ada yang pendek dan ada yang panjang; tetapi masing2 hanya mempunyai dua unsor sahaja ia-itu bendayat dan cheritayat.

Perhatikan-lah keterangan2 ini:

- (1) Rumah itu (bendayat) besar (cheritayat). Rumah itu ia-lah benda yang hendak di-cheritakan, dan besar itu ia-lah keadaan atau cherita yang hendak di-nyatakan berkenaan rumah itu. Demikian pula pada lain2 ayat:
- (2) Kuching itu (bendayat) menangkap tikus (cheritayat).
- (3) Buaya2 itu (bendayat) berjemor di-pantai (cheritayat).
- (4) Enche' Dollah (bendayat) baru kehilangan isteri-nya (cheritayat).
- (5) Orang2 dari ibukota (bendayat) mengungsi ka-pergunongan (cheritayat).

Bukan-lah ayat nama-nya kalau sa-suatu rangkaian perkataan itu kekurangan salah-satu bendayat atau cheritayat-nya. Rangkaian2 perkataan yang bagitu di-sebut rangkaikata pula, misal-nya:-

rumah itu

orang2 dari ibukota

menangkap tikus

baru kehilangan isteri-nya

berjemor di-pantai

buaya2 besar itu

mengungsi ka-pergunongan

Sekolah Menengah Monk's Hill

(b) resam-ayat:

Daripada kejadian ayat2 itu kita dapat mengenal dua macham resam-ayat. Jika kita dapati bendayat-nya di-cheritakan hal-nya, kita katakan ayat itu ia-lah ayat-cherita, misal-nya:-

- (1) Rumah itu besar.
- (2) Baju-nya batek merah.
- (3) Buaya2 itu berjemor di-pantai.
- (4) Penderhaka2 itu di-hukum sula di-Tanjong Malang.
- (5) Che' Peah kehilangan beg tangan-nya.

Jika kita dapati pula bendayat-nya melakukan sa-suatu ka-atas benda lain; atau cheritayat-nya menunjukkan kelakuan bendayat itu atas sa-suatu kita katakan ayat itu ia-lah ayat kelakuan, missal-nya:-

- (1) Kuching itu menangkap tikus.
- (2) Mak Anjang menumis puchok bereni itu.
- (3) Pasokan kita telah mengalahkan musuh.
- (4) Gadis2 itu menonton wayang gelap.
- (5) Saya sudah memberi amaran kepada-nya.

(c) jenis-ayat

Umum-nya ada empat jenis ayat2 Melayu, tetapi dalam pemakaian kita hanya gunakan tiga jenis sahaja. Kerana kepentingan teknik modern, jenis yang satu lagi itu telah tertolak oleh zaman. Jenisayat2 itu ia-lah:-

- (1) Ayat sa-lapis,
- (2) Ayat berlapis,
- (3) Ayat berkait, dan
- (4) Ayat berchampor (sirat-menyirat) ini-lah jenisayat yang tak terpakai lagi.

(1) Ayat sa-lapis:-

Ayat sa-lapis ini ia-lah ayat yang hanya mempunyai satu bendayat dan satu cheritayat sahaja, misal-nya:-

- (a) Enche' Amin pandai bermain bola.
Enche' Amin (bendayat), pandai bermain bola (cheritayat)
- (b)*Raju sedang memanjat kelapa.
- (c)*Budak perempuan itu membasoh kain.

- (d) *Anak kucing itu mati.
- (e) *Ah Leng meniup serunai. ¹

(2) Ayat berlapis:-

Ayat berlapis ini ia-lah ayat2 yang sama-ada: satu bendayat dan beberapa cheritayat; atau beberapa bendayat dengan satu bendayat; atau beberapa bendayat dengan beberapa cheritayat, misal-nya:-

- i. yang satu bendayat dan beberapa cheritayat:
 - (a) Enche' Abu menulis surat sambil menghisap rokok.
Enche' Abu (b), menulis surat (c1) menghisap rokok (c2).
ayat ini boleh juga di-maanakan:-
 1. Enche' Abu menulis surat.
 2. Enche' Abu menghisap rokok.

chontoh2 lain ayat yang berlapis ia-lah saperti:-.

- (b) Lebai Kasim sembahyang Isha' lalu membacha do'a.
- (c) Che' Hendon menjual mi siam dan tahu goreng.
- (d) May Ling menanak nasi dan meggulai ikan.
- (e) Singapura sa-buah negara yang aman dan mamor.

- ii. yang beberapa bendayat dan satu cheritayat:
 - (a) Salim dan Salmah berkelah ka-Pulau Kusu.
Salim (b1) Salmah (b2) berkelah ka-Pulau Kusu (c).
ayat ini boleh di-fahami sa-bagai:-
 1. Salim berkelah ka-Pulau Kusu.
 2. Salmah berkelah ka-Pulau Kusu.

begitu pula hal-nya dengan lain2 chontoh ini:-

- (b) Eng Neo dan Kamala pergi menonton wayang
- (c) Awak atau dia yang menulis surat itu?

¹ (*) yang bergarisbawah ia-lah bendayat-nya; yang tidak cheritayat-nya.

iii. yang beberapa bendayat dan beberapa cheritayat:

(a) Ali lulus pepereksaan tetapi adek-nya tidak.

Ali (b1), adek-nya (b2), lulus pepereksaan (c1), tidak (c2)

ayat itu boleh di-maanakan juga:

1. Ali lulus pepereksaan.
2. Adek-nya tidak lulus pepereksaan.

lain2 chontoh yang saperti itu ia-lah:-

(b) Eng Neo orang perempuan tetapi Raju orang laki2.

(c) Ayah-nya jadi doctor dan anak2-nya jadi juruwata.

(d) Sepatu yang mahal di-beli-nya tetapi setokin yang murah tidak terbeli oleh-nya.

dan ber-bagai2 chontoh lagi.

(3) Ayat berkait:-

Ayat berkait ia-lah ayat yang tertuboh dari beberapa anayat. Anayat itu ia-lah rangkaian perkataan yang bergantung satu sama lain hingga tertuboh sa-buah ayat. Pergantongan anayat itu boleh jadi sa-bagai penerang; sa-bagai cheritayat; atau sa-bagai penuboh (bendayat). Anayat2 yang di-perlukan dalam penubohan ayat berkait ini di-sebut anayat indok. Perhatikan chontoh ini:

(a) Kuching menchuri ikan

(b) Kuching hitam menchuri ikan kering

(c) Kuching hitam yang berekor kontot menchuri ikan kering yang tergantung di-dapor.

(d) Kuching hitam Si Salim yang berekor kontot itu menchuri ikan kering Si Salmah yang tergantung di-dapor.

(e) Kuching hitam Si Salim yang berekor kontot yang sedang lapar itu menchuri ikan kering Si Salmah yang tertutup rapat yang tergantung di-dapor.

Ke-lima2 ayat di-atas itu maseh memberikan pemikiran yang sama, ia-itu kuching menchuri ikan. Pada ayat2 yang berikut-nya kita dapati banyak penerang2 bendayat dan penerang cheritayat. Penerang2 itu ia-lah daripada perkataan; rangkaikata dan anayat2. Anayat2 yang kita dapati daripada ayat berkait itu ia-lah:-

(a) kuching menchuri ikan (anayat indok).

(b) yang berekor kontot (anayat bergantung rupanama),

(c) yang sedang lapar (anayat bergantung rupanama),

- ke-dua2 anayat (b) dan (c) menerangkan keadaan kuching.
- (d) yang tertutup rapat (anayat bergantung rupanama).
- (e) yang tergantung di-dapor (anayat bergantung rupanama).
- ke-dua2 anayat (d) dan (e) menerangkan keadaan ikan.

(d) susunayat:

Sudah kita ketahui tentang ayat dan jenis2 ayat itu, sekarang mari-lah pula kita periksa, bagaimana kita menyusun ayat2 itu menurut kaedah2 yang di-tetapkan oleh tatabahasa. Ada empat susunayat yang biasa bagi bahasa Melayu, ia-itu:-

- (1) menurut hukum2 d-m
- (2) menurut bendayat/cheritayat.
- (3) mendulukan yang di-pentingkan.
- (4) susunayat berbentok nafi.

(1) susunayat menurut hukum d-m:

hukum d-m, itu ia-lah hukum2 di-terangkan dan menerangkan. Susunayat Melayu ia-lah mendulukan yang di-terangkan, kemudian di-ikuti dengan yang menerangkan, misal-nya.

- | | |
|-------------------|--|
| (a) anak nakal | = bukan: nakal anak |
| pengantin laki2 | = bukan: laki2 pengantin |
| buah manggis | = bukan: manggis buah. |
| (b) negara kita | = bukan: kita negara atau kita <u>punya</u> negara ^{*2} |
| basikal saya | = bukan: saya basikal |
| rumah Raju | = bukan: Raju rumah. |
| (c) kereta api | = bukan: api kereta |
| wayang gambar | = bukan: gambar wayang |
| kapal terbang | = bukan: terbang kapal |
| (d) chinchin emas | = bukan: chinchin daripada emas |
| sepatu getah | = bukan: sepatu daripada getah |
| peti kayu | = bukan: peti daripada kayu. |

² (*) kataperbuatan punya tidak di-pakai bagitu dalam bahasan Melayu.

(2) susunayat menurut bendayat/cheritayat:

Menurut kaedah ini, ayat2 Melayu mesti-lah di-susun dengan mendulukan bendayat, kemudian baru di-ikuti cheritayat-nya, misal-nya:-

- (a) Muhammad sedang menulis. Muhammad (b), sedang menulis (c).
- (b) Ali di-pukul oleh-nya. Ali (b), di-pukul oleh-nya (c).
- (c) Dollah kehilangan isteri. Dollah (b), kehilangan isteri (c).
- (d) Sekolah ini besar. Sekolah ini (b), besar (c)
- (e) Kuching Salim menchuri ikan Salmah.

(3) susunayat yang mendulukan yang di-pentingkan:

Untuk menegaskan sa-suatu yang di-pentingkan dalam pemikiran yang hendak kita sampaikan, boleh-lah susunayat biasa itu di-sonsangkan, misal-nya:-

- (a) Raju membeli ayam di-pasar. (susunayat biasa)

Ayat ini boleh di-sonsangkan jadi:

1. Di-pasar, Raju membeli ayam. (kalau di-pasar yang penting)
2. Di-beli-nya ayam di-pasar. (kalau beli yang di-pentingkan)
3. Ayam yang di-beli Raju di-pasar. (kalau ayam yang penting)

demikian pula ayat ini:-

- (b) Timah menjual kueh ka-kampong2.

boleh di-ubah mengikuti mana2 yang di-pentingkan, menjadi:-

1. Kueh itu di-jual Timah ka-kampong2.
2. Ka-kampong2, Timah menjual kueh.
3. Di-jual-nya kueh itu ka-kampong2.

(4) susunayat berbentuk nafi:

Telah menjadi kebiasaan orang Melayu untuk menyatakan ya dalam bentok tidak. Hal ini patut-lah di-perhatikan benar2, terutama oleh orang2 yang belum jinak dengan kehidupan orang2 Melayu. Dan dalam susunayat ini ia merupakan satu sifat asli Melayu, misal-nya:

- (a) bukan main ria awak! maksud-nya: sa-sungguh-nya.
- (b) tak dapat tidak..... maksud-nya: tentu-lah.....
- (c) anak itu tak sopan. maksud-nya: anak itu biadab.
- (d) Che' Nah tak sedap badan. maksud-nya: Che' Nah sakit.
(tak sihat)
- (e) Tak siuman orang itu. maksud-nya: gila orang itu.

dan banyak lagi yang boleh kita jadikan contoh.

(e) ragamayat dan bentokayat:

Oleh kerana ke-dua2 kajian ini amat terpengaruh oleh kataperbuatan2 dalam ayat2, baik-lah kita tinggalkan dulu kajian mengenai-nya sa-hingga kita selesai mengkaji tentang jenis2 perkataan di-masa yang akan datang pula.

4. Perihal Jeniskata:

Saya telah di-maalumkan oleh penganjor kursus ini, bahwa kursus bahasa dan kesusasteraan ini akan di-adakan berperingkat2 – dari peringkat permulaan sampai kepada peringkat sempurna. Yang demikian tidak-lah saya bermaksud hendak membuat sarahan yang lengkap tentang nahu atau tatabahasa ini untok peringkat sekarang. Saperti saya katakan tadi bahwa pelajaran tatabahasa pada peringkat ini hanya saya hadkan sa-takat memberikan rangka (outline) perihal ayat2 dan memberikan pengetahuan asas tentang penjenisan perkataan2. Jadi tidak-lah dapat di-anggap lepas mendengar sarahan ini sudah selesai kita binchangkan tatabahasa Melayu itu. Hendak-nya jangan ada peserta2 kursus ini yang nanti akan tersilap!

Pengerahuan asas tentang pembahagian jeniskata2 yang hendak saya sampaikan pada peringkat ini ia-lah tentang tiori penjenisan dan pengelasan jenis2 perkataan itu sahaja. Yang lain2 perlu di-tunda hingga kursus lain pula.

(a) tiori penjenisan kata2:

Tiori mengajarkan ilmu bahasa menurut penjenisan kata2 ini ia-lah pendapat ahli falsafah Yunani, Aristoteles, yang memperaktikkan tiori itu di-sekolah-nya di-Athen dalam tahun Dahulu Masehi 334. Aristoteles membahagi2kan perkataan2 ka-dalam sa-puluh jenis, ia-itu: substantifa (benda2), verba (kerjaan), adjectifa (keadaan), adverba (keterangan), pronomina (gantinamaan), numeralia (bilangan), preposisi (depanan), konjunci (hubungan), artical (sandangan) dan interjecti (seruan).

Di-Indonesia, sarjana2 bahasa-nya memelayukan istilah2 Aristoteles itu menerusi pandangan Belanda, sedang kita di-Malaya menurut ukoran2 dan tapisan2 Inggeris pula. Berdasarkan Inggeris, Tuan Haji Zaaba menyampaikan pengetahuan penjenisan perkataan itu kepada kita dengan ketetapan lima jenis sahaja, ia-itu:-

1. Nama: mengandongi (a) nama benar,
(b) nama ganti,
2. Perbuatan:
3. Sifat: mengandongi (a) sifat nama,
(b) sifat kata.

4. Sendi: mengandungi (a) sendinama,
(b) sendikata.

5. seruan:

Pada himat saya, akan lebih peraktikal kalau penjenisan itu di-buat langsung menurut kelas2-nya: menjadi lapan kelas semua-nya seperti yang di-tetapkan oleh Jawatankuasa Sukatan Pelajaran Singapura, dan tidak lima jenis tetapi ada pechahan2-nya lagi seperti yang di-anjorkan oleh Tuan Zaaba itu. Kelas2 jeniskata yang lapan itu ua-lah:-

- | | |
|------------------|---|
| 1. katanama | menggantikan: nama benar. |
| 2. gantinama | menggantikan: nama ganti. |
| 3. kataperbuatan | menggantikan: perbuatan. |
| 4. rupanama | menggantikan: sifat nama. |
| 5. rupakata | menggantikan: sifat kata. |
| 6. sendinama | menggantikan: sendi nama.* ³ |
| 7. sendikata | menggantikan: sendi kata.* |
| 8. kataseruan | menggantikan: seruan. |

(b) pengelasan jeniskata

(1) katanama:

Perkataan2 yang di-kelaskan sa-bagai katanama ia-lah yang menjadi nama bagi sa-suatu benda, atau yang di-anggap sa-bagai benda sama ada benda wujud atau benda terawang. Ke-dua2 katanama itu dapat pula di-kelaskan kepada nama-am; nama-khas; nama-kumpulan.

(a) yang termasuk dalam nama-khas, ia-lah seperti:-

Tuhan, Muhammad, Kamala, Singapura, Tanglin, Ilmu Alam, dan sa-bagai-nya.

(b) yang termasuk dalam nama-am, ia-lah seperti:-

bola; anjing; pokok; laut; kereta; baju; duit dan sa-bagai-nya.

(c) yang termasuk dalam nama-kumpulan pula, seperti:

angkatan; rombongan; ashkar; pasokan; himpunan dan sa-bagai-nya.

Di-antara katanama2 itu ada juga yang asal-nya bukan katanama. Kata nama2 baru ini kita sebut nama-terbitan.

³ (*) sa-benar-nya bukan penggantian tapi penjamakan – daripada dua perkataan di-jamakkan jadi satu.

(2) gantinama:

Perkataan2 yang di-kelaskan sa-bagai gantinama ia-lah perkataan yang di-sebutkan kerana menggantikan sa-suatu katanama, saperti: aku; saya; dia; mereka; apa; siapa; mana; itu; ini; yang; bahwa; ia-lah; ia-itu dan sa-bagai-nya. Gantinama2 itu boleh lagi di-kelaskan kapada:-

- (a) gantinama diri - aku; dia; mereka dan sa-bagai-nya.
- (b) gantinama umum - entah; apa; siapa dan sa-bagai-nya.
- (c) gantinama pertanyaan - siapa; mana; mengapa dan lain2.
- (d) gantinama penunjuk - itu; ini dan yang sa-bagai-nya.
- (e) gantinama sendi - yang; ia-itu; ia-lah; yaani.

(3) kataperbuatan:

Yang terkelas dalam kataperbuatan ia-lah perkataan2 yang menunjukkan perbuatan atau kelakuan sa-suatu katanama, misalnya: dudok; berdiri; makan; bermain; ketawa; mati; pergi dan sa-bagai-nya.

Kataperbuatan2 ini dapat di-kelaskan pula kapada tujuh kelas lai ia-itu:

- (a) perbuatan melampau - makan; pukul; sepak dan sa-bagai-nya.
- (b) perbuatan tak-melampau - tidor; lari; dudok dan sa-bagai-nya.
- (c) perbuatan kurang - jadi; panggil; ada dan sa-bagai-nya.
- (d) perbuatan tak-terang - mau; hendak; boleh dan sa-bagai-nya.
- (e) perbuatan nama - kataperbuatan yang berfungsi katanama.
- (f) perbuatan rupakata - kataperbuatan yang berfungsi rupakata.
- (g) perbuatan terbitan - yang asal-nya jenis lain.

(4) rupanama:

Perkataan2 yang di-kelaskan dalam rupanama ia-lah perkataan2 yang fungsinya menerangkan keadaan sa-suatu katanama, saperti: elok; bagus; chantek; puteh; kuning; besar; chomel; luas; sempit; sedap dan sa-bagainya.

(5) rupakata:

Perkataan2 yang tergolong dalam kelas rupakata ia-lah perkataan2 yang fungsinya menerangkan keadaan sa-suatu kataperbuatan, saperti: laju; cepat; lambat; pantas; deras dan lain2 lagi. Ada juga rupanama yang boleh bertukar menjadi rupakata bila sebutannya di-ulang, saperti: baik2; pagi2; besar2; rajin2 dan lain2 lagi.

(6) sendinama:

Perkataan2 yang termasuk dalam kelas sendinama ini ia-lah sendi2 yang menghubungkan sa-suatu pemikiran dengan katanama. Lihat-lah chontoh-nya dalam ayat2 itu:-

- (a) Muhammad datang dari Kuala Lumpur.
- (b) Dia makan nasi dengan sudu garpu.
- (c) Timah menunggu awak hingga malam.
- (d) Mary menulis surat kapada tunang-nya.
- (e) Mereka dudok membadi di-Perpustakaan Negara.

(7) sendikata:

Perkataan2 yang tergolong dalam kelas sendikata ini yang menghubungkan beberapa pemikiran sama-ada melalui ayat berlapis atau melalui ayat berkait.

(a) yang menjadikan ayat berlapis di-panggil sendikata-penambah:

- 1. Abang-nya rajin tetapi adek-nya bodoh.
- 2. Dia memalis sambil tersenyum.
- 3. Timah membacha surat itu lalu menjawab-nya.
- 4. Abu membeli sepatu dan setokin.
- 5. Budak itu amat usaha lagi terlalu rajin.

(b) yang menjadikan ayat berkait di-panggil sendikata-penambat:

- 1. Semut mati kerana gula.
- 2. Dia takkan menangis kalah tak di-tinggalkan kekaseh-nya.
- 3. Mamat datang juga walaupun malam itu hujan lebat.
- 4. Saya tak jadi pergi sebab tak berwang.
- 5. Siapa rajin bekerja neschaya beroleh rezeki.

(8) kataseruan:

Kataseruan ini tidak-lah mesti sa-suatu perkataan yang sempurna. Kebanyakan-nya ia-lah hanya merupakan suara2 yang membayangkan perasaan kita sa-mata2, seperti: oh! hai! pang! atau apa saja. Ada juga kataseruan2 yang dianggap sa-bagai perkataan, misal-nya: amboi! adohai! alamak (Allahumma)! masha Allah! dan sa-bagai-nya.

sekian dulu ! Mudah2an kita bertemu lagi di-lain kursus!

okay